

Model Ekonomi Sufi Imam Al-Ghazali

Mif Rohim^{a,b*}, Surtahman Kastin Hasan al-Kindely^a

^aFakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

^bUniversitas Hasyim Asy'ari, Tebuireng, Jombang, Indonesia

*Corresponding author: mifrohim@utm.my

Article history

Received :13 December 2012

Received in revised form :

24 July 2013

Accepted :15 August 2013

Abstract

Model refer to a simple and concise of an interaction among certain elements in the real world. It was built to make more convenience in understanding relationship among natural or man made phenomenons. Since economic crisis persistently charge capitalist economics system especially the USA and the relevance nations has bad impact on the economy globally, thus in the Islamic nations come up several economic concepts in the name of Islamic economics. Unfortunately economics which are based on Islamic norms has no positive impact, rather it is not much different from conventional economic system. Therefore this study to explore how zuhud could has role in influencing the pattern of mankind behaviors in term searching and expanding the wealth. Economics sufisme model is using zuhud as an approach to make relationship between tasawuf and economics (wealth) possible. Stages of zuhud and its signs such as abandon syubhah, dawdling, qanaah in obtaining and expanding wealth and tawakkal are among important elements in developing this model.

Keywords: Tasawuf; maqamat; wara'; nafs; economic sufisme model

Abstrak

Model merujuk kepada contoh mudah dan ringkas bagi menggambarkan keadaan interaksi dalam dunia yang sebenar. Ia dibina bagi memudahkan memahami perhubungan atau perjalanan sesuatu bahagian dalam fenomena alam sama ada secara semula jadi atau terancang. Setelah jatuhnya krisis Amerika dan sekutunya melalui konsep kapitalis liberal berkesan terhadap dunia global, maka muncul berbagai konsep ekonomi dengan nama Islam di negara-negara majoriti penduduk muslim, namun anehnya konsep ekonomi Islam yang dirumuskan oleh pakar ekonomi Islam dan ahli hukum Islam tidak berimpak positif, namun tidak berbeza dengan konvensional dan akan berdampak negatif dalam kehidupan masyarakat secara global. Oleh kerana itu, kajian ini akan mendedahkan model ekonomi sufi Imam Gazali yang dibina menggunakan pendekatan zuhud bagi menghubungkan antara tasawuf dan ekonomi (harta dunia). Peringkat-peringkat zuhud dengan beberapa petandanya seperti meninggalkan segala yang syubhah, meninggalkan pencarian yang melalaikan, memenuhi keperluan secara sederhana dan seterusnya mencari sekadarnya dunia-harta akan digunakan sebagai objek penting dalam model tersebut. Di samping itu, satu maqamat penting dalam tasawuf, akan memaparkan bagaimana zuhud berperanan dalam mempengaruhi corak gelagat manusia dalam mencari dan mengguna harta dalam model ekonomi yang kami namakan sebagai model ekonomi sufi.

Kata kunci: Tasawuf; maqamat; wara; zuhud; nafsu; model ekonomi sufi

© 2013 Penerbit UTM Press. All rights reserved.

1.0 PENGENALAN

Pada abad ke 2 Hijrah, timbul suara ketidakpuashatian terhadap ilmu Islam yang terkandung dalam kitab-kitab fiqh yang didakwa kering, tiada mempunyai roh dan pengisian dalaman dan kejiwaan. Misalnya dalam ibadah bersuci (*taharah*) yang dibicarakan dalam ilmu fiqh tidak memasukkan kebersihan roh (batin). Begitu juga dengan solat: khusyuk tidak dijadikan nilai batiniah yang harus hadir bersama dalam solat (Said Hawa, 1995: 72). Pengisian dalaman melalui tasawuf ini merupakan penyempurnaan ilmu fiqh segi batin. Makrifat terhadap Allah akan melahirkan pelaksanaan hukum-hukum Allah secara sempurna (Said Hawa, 1995: 72).

Imam al-Ghazali sebagai pengamal ajaran tasawuf, dalam hal ibadah khusus, misalnya solat, memasukkan khusyuk sebagai satu syarat kebatinan yang wajib berserta dalam solat (al-Ghazali, 2004(1): 212). Katanya Allah menegah orang yang mabuk bersolat. Kerana orang yang mabuk tidak tahu apa yang sedang dilakukan seperti juga orang yang lalai (tidak khusyuk) dalam solat tidak mengetahui apa yang dibacanya (al-Ghazali, 2004 (1): 200). Begitu juga dalam hal yang berkaitan dengan ekonomi, ia menyerapkan nilai kejiwaan di dalamnya dan seterusnya 'meintegrasikan' ekonomi dalam dimensi tasawuf dengan menjadikan tasawuf sebagai sebahagian dari pokoknya bukan sebagai tempelan di tepian.

Tasawuf sebagai pokok atau teras perlu dijelmakan dalam setiap kegiatan ekonomi. Kita tidak menolak peranan penting ahli fiqh dalam memandu skop perlakuan ekonomi,

namun fiqh hanya merupakan panduan pemula dan zahir kepada kegiatan ekonomi. Panduan fiqh perlu diteruskan dengan panduan dalaman berbentuk tasawuf supaya dengannya jiwa manusia lebih terarah kepada arah yang luhur menjadikan amal Islam lebih sempurna dengan pengisian luaran dan dalaman. Namun tasawuf merupakan ilmu yang hanya dapat dialami dan di alami melalui pengalaman rasa dan mujahadah¹ secara tersusun dan berterusan untuk meningkatkan diri daripada satu tahap ketahap yang lebih tinggi. Oleh sebab itulah dalam tasawuf terdapat satu maqamat penting yang setiap ahli sufi perlu menempuhnya iaitu zuhud. Konsep zuhud ini sangat luas dan kuat pula berkait dengan ekonomi². Oleh kerana begitu pentingnya zuhud dalam ilmu kesufian di samping ianya juga kuat berkait dengan harta dan ekonomi, maka dengan itu sangat sesuai dan wajar ianya dijadikan teras penyambung ke arah kejernihan ekonomi.

Sebagai satu maqamat penting dalam tasawuf, kajian di sini akan memaparkan bagaimana zuhud berperanan dalam mempengaruhi corak gelagat manusia dalam mencari dan mengguna harta dalam model ekonomi yang kami namakan sebagai model ekonomi sufi. Di samping itu tidak dinafikan bahawa zuhud pula kuat berkait dengan dorongan nafsu yang bertindak dwi peranan sebagai penghalang dan pemangkin kearah pencapaian maksud tersebut.

2.0 MAQAMAT ZUHUD DALAM TASAWUF

Zuhud yang secara umum ditakrifkan “berpaling seseorang daripada dunia” (al-Ghazali, 2004(4): 271), merupakan salah satu maqamat³ ahli tasawuf yang penting yang disusun secara masyur oleh Abu Nasr as-Sarraj at-Tusi⁴, pada kedudukan ketiga daripada tujuh iaitu; taubat, wara’, zuhud, faqir, sabar, tawakkal dan reda. Walaupun begitu tidak pernah terfikir bahawa maqamat-maqamat wara’, faqir, sabar, tawakkal dan reda sebenarnya berkait dengan zuhud. Ini bermakna maqamat zuhud mendominasi dan meluas merangkumkan maqamat-maqamat lain kecuali taubat. Berikut akan dibincangkan takrifan maqamat-maqamat tersebut yang dapat dijadikan hujah bahawa maqamat-maqamat tersebut selari dengan takrifan zuhud. Maqam taubat diperlukan sebagai pemula atau langkah pertama proses pembersihan diri untuk mendekati Allah (H. A. Rivary, 1999: 116). Dosa merupakan sesuatu yang kotor. Untuk mendekati diri kepada Allah kekotoran ini perlu dibersihkan, iaitu melalui taubat. Taubat merujuk kepada ‘kembali daripada maksiat kepada taat atau daripada jalan jauh kepada jalan dekat’ (al-Ghazali, t.t.: 161). Taubat para sufi bukan setakat kerana dosa seperti taubat orang awam tetapi juga taubat daripada kelalaian dan kealpaan daripada mengingati Allah (Simuh, 1996: 51).

Wara’ ialah meghindari apa sahaja yang tidak baik (H. A. Rivary, 1999: 118) atau menjauhi apa sahaja yang membawa kepada mudarat (al-Ghazali, t.t.: 163). Setiap yang tidak baik itu sebenarnya mudarat. Imam al-Ghazali menegaskan setiap yang halal masih belum dinamakan zuhud, sebaliknya beliau meletakkan batas meninggalkan yang haram

dan syubhah sebagai syarat minimum zuhud (al-Ghazali, 2004 (4): 287). Maka kerana itu wara’ termasuk dalam skop zuhud. Faqir mengikut imam al-Ghazali bermaksud tidak memiliki apa yang diperlukan (al-Ghazali, 2004(4): 239). Sebenarnya manusia tidak memiliki apa-apa kerana yang kaya dan yang memiliki segala-galanya hanyalah Allah⁵. Setiap yang *maujud* selain Allah adalah faqir (al-Ghazali, 2004(4): 239). Bagi golongan sufi, bukan sahaja tidak memiliki apa-apa, bahkan mereka tidak pula memerlukan apa-apa di ketika mempunyai sesuatu. Mereka tidak menyukai harta, tidak meminta-minta, qana’ah dan zuhud harta. Harta dan dunia merupakan penghalang kepada maqam hub (cinta) kepada Allah

Sabar bererti tahan menempuh sesuatu yang sukar (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2009: 79). Kesulitan hidup yang dilalui perlu diterima dengan penuh rela tanpa ungkitan dan keluhan. Imam al-Ghazali ada mencatatkan satu ungkapan berbunyi “...siapa yang sabar atas kesakitan, meninggalkan nafsu syahwat dan memakan roti daripada yang halal, maka ia telah mengambil pokok zuhud...” (al-Ghazali, 2004(4): 286). Maka dengan ini sabar juga merupakan zuhud.

Tawakkal bagi Imam al-Ghazali, bermaksud menyerahkan atau mewakilkan urusannya dan berpegang dan tekal hatinya mempercayai kepadanya mengenai urusannya (al-Ghazali, 2004(4): 324). Tawakkal akan meletakkan seseorang pada kedudukan mencintai Allah dan Allah akan mencukupi keperluannya orang yang mencintainya. Orang yang mencari keperluan selain daripada Allah maka orang itu tidak bertawakkal (al-Ghazali, 2004(4): 304). Imam al-Ghazali menjadikan tawakkal sebagai syarat kepada zuhud (al-Ghazali, 2004(4): 285).

Reda merupakan sikap jiwa dan mental yang berterusan ‘tenang dan senang menerima segala situasi dan kondisi’ (H. A. Rivary, 1999: 122). Setiap kesulitan yang dihadapi dianggap sebagai nikmat dan kurniaan (Simuh, 1996: 69). Bagi al-Ghazali reda dengan ketentuan yang pahit dari Allah merupakan kebahagiaan hati (al-Ghazali, t.t.: 168). Imam al-Ghazali ada mengungkapkan bahawa reda berkait kuat dengan cinta kepada Allah (al-Ghazali, t.t.: 168). Maka sewajarnya berbahagialah dengan segala ketentuan, sebab ianya didatangkan dari yang dicintai, iaitu Allah.

Daripada enam maqamat yang disenaraikan di atas, ternyata apabila dilakukan penelitian, mendapati semacam ada arah tuju yang sama bagi setiap maqamat tersebut, iaitu mengenai keduniaan-harta. Lantas kami merasakan maqamat wara’, faqir, sabar, tawakkal dan reda juga menjurus kepada aspek kezuhudan. Zuhud berkait dengan pandangan terhadap kehidupan berbentuk kebendaan. Maqamat wara’, iaitu berpaling daripada dunia yang haram dan syubhah, maqamat faqir, iaitu membuang yang lain dengan hanya memiliki Allah di dunia ini, maqamat sabar, iaitu sedia menempuh kesukaran hidup, maqamat tawakkal, iaitu menyerah bulat segala urusan kehidupan kepada Allah dan akhirnya maqamat reda, iaitu bergembira dengan segala ketentuan hidup oleh Allah, masing-masing menggambarkan peringkat-peringkat tertentu keadaan berpaling seseorang daripada kehidupan dunia. Yang demikian itu secara umumnya maqamat-maqamat tersebut boleh juga dikategorikan kedalam skop zuhud. Maksudnya maqamat-maqamat wara’, faqir, sabar, tawakkal dan reda membawa maksud yang sama, iaitu zuhud dunia.

3.0 PERINGKAT-PERINGKAT ZUHUD

Terdapat berbagai takrifan zuhud yang dikemukakan oleh ahli sufi juga para penulis tasawuf. Zuhud dunia secara umumnya boleh ditakrifkan sebagai “berpaling seseorang daripada dunia kepada menyukai apa yang lebih baik” (al-Ghazali, 2004(4): 271). Akhirat lebih baik daripada dunia, oleh sebab itu adalah

¹ Tasawuf merupakan ilmu yang unik, ia tidak boleh dipelajari melalui buku atau pembelajaran seperti kebanyakan ilmu.

² Dalam tasawuf kerap disebut sebagai zuhud dunia. Dalam istilah yang lebih mengkhusus boleh juga mengguna pakai zuhud harta, dan bersesuaian dengan kajian di sini kami merasakan lebih relevan dinamakan dengan zuhud ekonomi.

³ Maqamat merujuk kepada tempat perlabuhan roh dan terus berada di situ sehingga mapam sempurna kemudiannya berpindah pula ke perhentian lain (Mohd Nasir Omar & Zakaria Stapa, 1999: 292). Mapan pada sesuatu maqam merupakan satu syarat perlu sebelum berpindah ke maqam yang berikutnya (H. A. Rivary Siregar, 199: 114).

⁴ H. A. Rivary Siregar (1999: 113-122) juga menyenaraikan tujuh maqamat tetapi dengan susunan yang sedikit berbeza. Manakala Zulkifli Mohamad al-Bakri mencatatkan lapan maqam iaitu taubat, wara’, zuhud, sabar, faqir, tawakkal, reda, syukur, khauf dan raja’ (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2009: 70).

⁵ Imam al-Ghazali menganggap ini sebagai faqir mutlak (al-Ghazali 2004 (4): 239).

wajar berpaling daripada dunia kepada amal yang membawa kebaikan diakhirat. Namun persoalannya takat mana darjah pemalingan tersebut? Rendah, tinggi atau sepenuhnya (100 %) berpaling baru dikatakan zuhud? Berpaling tenaga fizikalnya atau hati atau kedua-duanya sekali? Untuk menjawabnya, di tempat-tempat yang lain al-Ghazali ada memperincikan tentangnya berserta dengan peringkat-peringkatnya sekali. Di sini diperturunkan beberapa takrifan yang disusun mengikut tahapan tersebut.

Takrifan zuhud paling longgar yang juga mewakili peringkat terendah ialah berpaling atau meninggalkan yang haram (Zulkifli Mohammmad al-Bakri, 2009: 77) dan seterusnya meninggalkan yang syubhah” (Simuh, 1996: 56). Imam al-Ghazali telah merangkumkan hukum zuhud kepada tiga: fardu, sunat dan selamat (al-Ghazali, 2004(4): 286). Zuhud fardu ialah meninggalkan yang haram. Zuhud sunat meninggalkan yang halal manakala yang selamat ialah meninggalkan yang syubhah. Bagi al-Ghazali, meninggalkan hanya yang haram tetapi tidak meninggalkan yang syubhah masih belum dikategorikan sebagai zuhud walaupun pada tingkat zuhud terendah ini (al-Ghazali, 2004(4): 287). Al-Ghazali melebelkan zuhud peringkat ini berada pada tingkat “zuhud tidak mutlak” (al-Ghazali, 2004(4): 272).

Takrifan sederhana ketat zuhud ialah “tidak tamak, tidak ingin dan tidak mengutamakan kesenangan duniawi” (Simuh, 1996: 56) atau “berpaling daripada mencintai dunia dan perkara-perkara yang menyukakan hawa nafsu ammarah” (Ibn Idris al-Qari, 1999: 42), atau “...tidak mengingini sesuatu selain daripada Allah dan tidak mencintai selain Allah” (al-Ghazali, 2004(4): 282 atau “...meninggalkan setiap sesuatu yang menyibukkan engkau daripada mengingati Allah” (al-Ghazali, 2004(4): 286). Tidak menjadikan dunia sebagai sultan yang menguasai hatinya (Mohd Nasir Omar dan Zakaria Stapa, 1999: 243). Al-Ghazali menamakan zuhud jenis ini sebagai ‘zuhud mutlak’ (al-Ghazali, 2004(4): 272).

Takrifan terketat zuhud ialah “...orang yang menjual dunia dengan akhiratnya...” (al-Ghazali, 2004(4): 281), “...memutuskan hubungan”, “menjauhkan”, “memalingkan diri daripada dunia” dan “memarahi dunia” (al-Ghazali, 2004(4): 238), “benci kepada dunia” (al-Ghazali, 2004(4): 272), “tiada keinginan pada wujudnya dunia” (al-Ghazali, 2004(4): 241) dengan rutin kehidupan hariannya hanya “mengasingkan diri daripada kehidupan dunia untuk bertekun beribadah dan menjalankan latihan rohani...” (Simuh, 1996: 60). Zuhud seperti ini oleh Al-Ghazali dikelaskan sebagai ‘zuhud tertinggi’ (al-Ghazali, 2004: 272), atau ‘zuhud kesempurnaan’ (al-Ghazali, 2004(4): 241) iaitu darjat yang hanya dicapai oleh golongan *radiyah* dan ahli *al-qanaah* (al-Ghazali, 2004: 241). Daripada pengertian-pengertian di atas jelaslah bahawa konsep zuhud berhubungan secara langsung dengan harta, iaitu ekonomi. Ia mengukur kuat-longgar hubungan runtunan jiwa/hati seseorang dengan harta dunia.

Ruang lingkup zuhud berada dalam satu dataran yang luas. Al-Qushairi ada mengatakan bahawa taslim, wara’, qana’ah dan tawakkal merupakan sebahagian daripada ciri-ciri kezuhudan. Hakikatnya bukan sahaja wara’, qana’ah dan tawakkal sebagai ciri kezuhudan, tetapi imam al-Ghazali juga memasukkan banyak ciri-ciri lain seperti tawadhu’, sabar, taqwa, meninggalkan kenikmatan, hawa-nafsu, kemegahan, menyibukkan diri dengan mengingati Allah (al-Ghazali, 2004 (4): 285-287), kejinakan hati kepada Allah, kemanisan berbuat taat dan kecintaan kepada Allah (al-Ghazali, 2004(4): 301-302). Ciri-ciri di atas menunjukkan betapa banyaknya petunjuk yang boleh diambil bagi menggambarkan kepada kezuhudan seseorang. Hakikat zuhud itu tiada penghabisan dan ia hanya sempurna dengan berzuhud pada kesemua aspek (al-Ghazali, 2004(4): 302).

Daripada pelbagai takrifan zuhud di atas, jelas menampakkan bahawa takrifan yang paling longgar (terendah) lebih terfokus kepada permasalahan wara’ terhadap

yang haram dan syubhah. Takrifan pertengahan pula lebih berkisar kepada permasalahan harta yang tidak melalaikan kerana kecintaan terhadap Allah mengatasi segala-galanya. Manakala takrifan terketat (tertinggi) berkait dengan konsep qanaah dan tawakkal dalam urusan dunia.

A. Zuhud Awam

Zuhud peringkat rendah ini kami labelkan sebagai zuhud awam yang bagi Imam al-Ghazali sebagai zuhud tidak mutlak (al-Ghazali, 2004(4): 282). Kami katakan awam sebab orang awam secara umumnya mampu mengamalkan zuhud ini. Zuhud peringkat ini menggambarkan masih wujud hubungan yang kuat dengan dunia. Mereka berpaling (meninggalkan) yang haram⁶ dan syubhah⁷ manakala dalam masa yang sama berterusan menyibukkan diri untuk mengusahakan dan mendapatkannya. Seperti yang dikatakan oleh al-Ghazali, mereka terdiri daripada hati yang ‘cenderung’ dan ‘merindui dunia’ (al-Ghazali, 2004(4): 282). Bagi golongan ini, mereka akan bekerja mencari harta secara wara’⁸ dan membelanjakan seperti yang ditentukan oleh syara’. Sifat wara’nya menghalang mereka dalam melibatkan diri dalam kegiatan yang haram dan dalam masa yang sama menunaikan kewajipan harta seperti berzakat. Namun satu sifat orang awam yang masih sukar dibendung ialah sikap berlebihan walaupun telah berinfak. Oleh hal yang demikian, al-Ghazali melontarkan pandangannya bahawa zuhud pada peringkat ini masih tidak dapat berpaling daripada kemegahan, berlebihan dalam makanan, bercantik-cantik dengan perhiasan (al-Ghazali, 2004 (4): 272). Mereka akan menggunakan keseluruhan baki harta selepas infak wajib untuk keperluan diri dan merasa sayang untuk menambahkan infak yang sunat.

Mereka mengamalkan dan meninggalkannya kerana mengharapkan ganjaran dan takutkan siksaan Allah. Mereka mencari yang halal dan meninggalkan yang haram kerana semata-mata atas dasar mentaati ketentuan dan hukum Allah. Begitu juga mereka berzakat kerana mahukan balasan pahala dan takutkan dosa dan azab Allah jika mengabaikannya. Dengan tambah nilai tasawuf di samping meninggalkan yang haram dan menunaikan kewajipan berzakat, mereka juga terdorong untuk meninggalkan yang syubhah dan menginfakkan hartanya dengan bersedekah sunat.

B. Zuhud Mutlak

Zuhud mutlak merupakan zuhud yang sebenar, namun dalam urutan kesufian ia berada pada zuhud peringkat pertengahan yang menggambarkan tarikan keatas harta dan keduniaannya melonggar. Dunia tidak dipandang sebagai sesuatu yang mengasyikkan, kerana itu mereka tidak lalai dengan dunianya. Mereka hanya meletakkan harta dunia di tangan, tidak di hati kerana hati hanya untuk Allah. Dunia dicari tapi hatinya tidak disibukkan oleh dunia. Harta dunia tidak ditinggalkan tetapi terus diusahakan untuk kebajikan dengan memenuhi kepentingan orang lain di samping keperluan diri. Pada peringkat ini, pemalingan diri dari dunia kepada Allah membawa maksud “...meninggalkan setiap sesuatu yang menyibukkan engkau daripada mengingati Allah” (al-Ghazali, 2004(4): 286) bagi menghadap seluruh hatinya kepada Allah (al-Ghazali, 2004(4): 287).

Berpaling daripada yang haram dan syubhah bukan kerana ganjaran tetapi hanya kerana untuk mendapatkan keredaan Allah. Hilang pemujaan, ingatan dan rasa kecintaan

⁶ Imam Ibn Hanbal menghadkan yang haram ini sebagai batas zuhud awam (lihat Mohd Fakhruddin Abdul Mukti, 2000: 21).

⁷ Imam al-Ghazali meletakkan wara’ dalam perkara yang haram dan syubhah sebagai dua syarat untuk dikategorikan sebagai zuhud peringkat rendah (al-Ghazali, 2004(4): 287). Kalau syarat haram sahaja dipenuhi, ia belum dikatakan zuhud.

⁸ Wara’ merupakan alat ukur minimum zuhud. Al-Ghazali merangkumkan sifat wara’ ini ke dalam zuhud (al-Ghazali, 2004(4): 286).

terhadap harta dengan rela mengorbankannya demi keredaan dan kecintaannya terhadap Allah. Seperti kata al-Ghazali meninggalkan sebahagian dunia (iaitu yang haram dan syubhah) belum menggambarkan zuhud yang sebenar (mutlak) jika masih mengekalkan sikap bermegah-megah, perbelanjaan secara berlebihan dalam makanan, perhiasan dan kecantikan (al-Ghazali, 2004(4): 272). Ia juga membawa maksud perbelanjaan peribadi perlu secara yang sederhana, sebaliknya membesarkan perbelanjaan di jalan Allah sebagai tanda lucutnya kecintaan terhadap harta.

C Zuhud 'Arifin

Zuhud peringkat ini merupakan zuhud peringkat tertinggi iaitu zuhud yang hanya berlaku pada golongan *al-'arifin*. Oleh sebab itu juga kami namakan peringkat zuhud ini sebagai zuhud 'arifin. Al-Ghazali namakan peringkat ini sebagai zuhud kesempurnaan (al-Ghazali, 2004(4): 241). Memalingkan diri pada peringkat zuhud ini membawa maksud menghindari (membuang) dunia⁹. Mereka menjadikan tasawuf sebagai kerja profesional sepenuh masa. Ahli sufi yang merupakan golongan profesional¹⁰ ini bilangannya di sepanjang zaman tidak ramai berbanding dengan jumlah keseluruhan umat Islam. Golongan ini diterangkan oleh Ibn Khaldun¹¹ sebagai golongan yang "tekun beribadat, berhubungan langsung pada Allah, menjauhkan diri dari kemewahan dan kemegahan dunia, tidak suka pada apa yang diburu orang ramai daripada keenakan harta benda dan kemegahan dan bersunyi-sunyi diri dalam melakukan ibadah." Keprofesionalan para sufi ini diakui oleh Rasulullah sendiri dengan tidak menegah ahli *suffah* untuk terus berada di penjurus masjid Nabawi di Madinah.

Rajah 1 merupakan model mudah yang dapat secara jelas menunjukkan hubungan peringkat-peringkat zuhud yang bermula daripada awam, mutlak dan seterusnya 'arifin dengan keperluannya kepada harta-rezeki-dunia.

Meneliti daripada rutin kehidupan mereka, maka dapat disimpulkan bahawa para *salik* pada peringkat zuhud 'arifin ini umumnya mengandungi dua tempoh keadaan; pertama pada ketika *beruzlah*¹² mereka menyerahkan kehidupannya semata-mata kepada Allah. Beralpang dan membuang dunia ini benar-benar dapat dihayati ketika para sufi beruzlah. Pada tempoh tersebut mereka memutuskan langsung hubungannya dengan dunia. Tempoh beruzlah bergantung kepada keadaan, kedudukan dan kesediaan para salik. Manakala pada ketika yang terbatas dan singkat, mereka hanya keluar daripada *zawiyahnya* untuk mencari dunia sekadarnya bagi memenuhi keperluan hidup yang juga paling mendasar secara qanaah sebelum beruzlah semula. Mereka akan besejara semula untuk beruzlah tanpa menunggu lama didunia luar supaya urusan dunia tidak sempat menyerap semula kedalam kehidupannya. Mereka berada dalam kedudukan "mengurangi atau kalau mungkin mengabaikan langsung kehidupan dan kenikmatan harta dunia" (H. A. Rivary, 1999: 116-117). Rajah 2 menunjukkan peringkat zuhud ekonomi dengan melihat fenomena ahli sufi dalam dua tempoh keadaan: semasa uzlah dan di luar uzlah.

4.0 ZUHUD DAN JENIS MANUSIA

Zuhud mempunyai kaitan dengan kuat-longgarnya kecenderungan seseorang terhadap dunia dan harta kekayaan. Kecenderungan seseorang terhadap harta pula berkait dengan manifestasi jenis manusia; sama ada manusia jahil atau bertauhid. Keinginan menguasai harta merupakan tujuan utama dalam ilmu ekonomi. Maka zuhud secara tidak langsung menjadi perkara yang berkait dengan jenis manusia terhadap ekonomi.

Manusia umumnya terbahagi kepada dua: manusia yang tidak bergantung kepada Allah, iaitu sifat manusia jahil dan lalai dan manusia yang bergantung kepada Allah iaitu sifat manusia bertauhid. Dari pengelasan umum ini ia boleh dipecahkan semula kepada empat kategori: manusia haiwaniah dan maddiyah yang mewakili manusia yang lalai dan jahil dan manusia insaniah dan rohiyah yang mewakili manusia yang bertauhid.

A Manusia Jahil dan Lalai

Manusia jahil dan lalai merupakan manusia jasmani yang mementingkan pemenuhan keperluan jasad dengan kepuasan kebendaan. Walaupun berakal, namun tetap sukar melepaskan diri daripada menjadi hamba kebendaan. Dinisbahkan dengan tanah asal kejadiannya, ia terhasil daripada tanah yang buruk, keras dan hitam yang tidak mampu menumbuhkan tumbuhan yang baik. Sifat ini menjadikan perwatakan, tingkah laku seseorang manusia itu buruk dan perasaannya juga sempit (Aboebakar Atjeh, 1977: 198).

- a. **Manusia haiwaniah.** Manusia *haiwaniah* merupakan manusia asli (Aboebakar Atjeh, 1977: 194) yang berjiwa haiwan yang hanya memikirkan kemewahan, keseronokan, kesenangan dan kemewahan jasmani dan keduniaan semata-mata yang terlepas daripada ikatan keagamaan. Banyak harta, hidup mewah, angkuh, riya' dan menyombong diri dirasakan begitu membahagiakan dan memberikan kepuasan kepadanya. Mereka akan terus tamak mengejar harta untuk merebut kepuasan tersebut. Walaupun mereka berakal, namun tidak digunakan secara yang hak, tidak mengira dan memikirkan sama ada sesuatu itu baik atau tidak baik, betul atau tidak betul, halal atau haram, sama sahaja pada penilaian mereka. Tidak ada beza antaranya dengan haiwan.
- b. **Manusia maddiyah.** Selepas haiwaniah, terdapat kelompok kedua manusia yang digelar sebagai manusia *maddiyah*, yang tidak jauh beza sikapnya terhadap keduniaan (kebendaan). Mereka tidak segelojoh manusia haiwaniah, kerana lebih mengutamakan penggunaan akal fikirannya untuk melakukan sesuatu tindakan atau perbuatan bagi mencapai hasrat kebendaan tersebut. Walaupun mereka kemudiannya telah beragama, namun pegangan mereka tidak menetap; masih boleh terpengaruh dengan persekitaran, bersilih ganti antara taat dan maksiat.


Kedua-dua jenis manusia ini (haiwaniah dan maddiyah) seperti yang dipaparkan dalam Rajah 3, tiada nilai zuhud harta bagi mereka, kerana tiada pegangan agama yang boleh membataskan penguasaan terhadap harta.

⁹ Bagi imam Ibn Hanbal, zuhud peringkat 'arifin bermakna memalingkan diri daripada perkara-perkara yang boleh menjauhkan diri daripada Allah, dengan mencontohi Abu Yazid al Bistami sebagai raja 'arifinnya (Mohd Fakhruddin Abdul Mukti, 2000: 21).


¹⁰ Dengan mengambil dunia sekadar keperluan dan meninggalkan dunia untuk akhirat sepenuhnya merupakan golongan teristimewa bagi orang-orang tertentu sahaja berjaya dan mampu melaluinya, seperti yang dikelaskan oleh Mohd Sulaiman Hj. Yasin (1984: 1).

¹¹ Dikutip daripada Mustafa Zahri (1979: 138)

¹² Imam al-Ghazali membezakan uzlah daripada khalwat. Uzlah meninggalkan segala perilaku (buruk) dan tuntutan nafsu serta menyibukan diri dalam berhubungan dengan Allah, manakala khalwat menjauhi daripada orang lain (Al-Ghazali, t.t.: 109).



Rajah 1 Peringkat zuhud ekonomi mengikut keperluan manusia



Rajah 2 Peringkat zuhud ekonomi mengikut keperluan manusia

B Manusia Bertauhid

Manusia bertauhid merupakan manusia yang melepasi tahap tribulan manusia jahil dan lalai. Ia berjaya menjadikan dirinya sebenar-benar hamba yang menghambakan diri sepenuhnya hanya kepada Allah. Kehidupannya dipenuhi dengan keyakinan dan amalan sebagaimana yang dikehendaki Allah.

a. *Manusia insaniyah.* Manusia *insaniyah* merupakan manusia beragama dan mengenal Tuhannya, Allah

(Aboebakar Atjeh, 1977: 194). Agama bagi golongan ini dijadikan rujukan utamanya. Iman dijadikan pengawal atau 'polis dalaman' yang mengawal gerak lakunya. Golongan manusia ini merupakan manusia yang pendiriannya menetap. Memenuhi keperluan jasmani secara *wara'* dan takwa (menjaga halal/haram) berhati-hati dalam memilih antara yang halal. Semua usaha keduniaan akan diarahkan kepada matlamat untuk mendapatkan keperluan rohani, iaitu keredaan Allah. Secara umumnya keperluan jasmani golongan ini lebih

terbatas dan berkurangan, oleh itu akan berkurangan pula perebutan kepada harta dan sumber khazanah bumi.

- b. **Manusia rohiyah.** Manusia *rohiyah* dapat dijemakan setelah rohnya diselamatkan daripada pemikiran dan sifat-sifat yang keji (Aboebakar Atjeh, 1977: 194) dan diisi pula dengan pemikiran dan sifat-sifat yang suci-murni. Manusia pada peringkat ini merupakan manusia terpuji, bukan sahaja perilakunya secara wara', tetapi pemikirannya juga tidak terlantas untuk perkara-perkara yang tertegah dan keji. Mereka tidak tertipu dengan keperluan jasmani sebaliknya mengisi sebanyak mungkin perkara yang boleh membawa kepada keredaan dan ketakwaan kepada Allah. Mereka menjadi pengguna yang minimum pada keperluan sumber bumi.

Ringkasan jenis-jenis manusia dan peringkat zuhud boleh ditunjukkan dalam Rajah 3. Berpandu pada jenis dan peringkat nafsu manusia, daripadanya jelas terdapat satu penampilan luar biasa manusia bermula daripada manusia yang tidak beragama (tidak berpegang pada agama) sehinggalah manusia Islam yang berpegang pada akidah, hukum dan akhlak Islam. Mereka yang tidak beragama dan tidak berpegang pada agama Allah, akan mudah terjerumus pada penyakit kebendaan. Mahu merebut secara tamak rezeki Allah berbentuk kebendaan (jasmani) bagi memenuhi kehendak nafsu buruknya. Sentiasa berasa tidak mencukupi dan kurang. Ahli ekonomi barat memandang masalah "ketidakcukupan" atau "kekurangan" sumber rezeki Allah ini sebagai permasalahan utama ekonomi. Tetapi mereka tidak sedia menterjemahkan persoalan kerohanian dalam menyelesaikan masalah tersebut.

5.0 ZUHUD DAN NAFSU

Jenis-jenis manusia akan menentukan peringkat nafsu mereka. Nafsu yang bermaksud keinginan, kemahuan dan kehendak yang bersangatan (Kamus Dewan, 2005: 1064) merupakan faktor pendorong sama ada untuk melakukan atau menahan daripada melakukan sesuatu perkara. Umumnya nafsu manusia terbahagi kepada tujuh (M. Zain Abdullah, 1995: 40): ammarah, lawwamah, mulhanah, mutmainnah radiah dan mardiah. Manusia yang jahil dan lalai akan dipengaruhi oleh nafsu jahat ammarah dan lawwamah, manakala manusia yang bertauhid akan didorong oleh nafsu baik mulhanah, mutmainnah, radiah dan seterusnya mardiah.

A. Nafsu Tercela

Dua peringkat nafsu yang di kategorikan di bawah nafsu tercela yang berada pada peringkat terendah hirarki nafsu ialah ammarah dan lawwamah.

- a. **Nafsu ammarah.** Nafsu ammarah lebih merupakan nafsu syahwat atau nafsu yang terdorong oleh syaitan yang selalu mengajak keburukan/kejahatan (al-Ghazali, t.t.: 123), seperti yang ditegaskan oleh Allah dalam surah Yusuf ayat 53. Mereka melakukan maksiat, kerosakan dan kesesatan tanpa penyesalan, malah mungkin berbangga pula dengan maksiat yang dilakukan. Pokok segala maksiat dan kelalaian adalah kerana memenuhi kehendak nafsu (Syaiikh Ibn Ato'illah, 2001: 58). Mengikut Imam al-Ghazali (2004(3): 104), perut menjadi sumber segala nafsu syahwat-jahat dan tempat tumbuh segala bahaya. Syahwat perut mendorong kepada syahwat kemaluan, kemegahan harta, perlumbaan, kedengkian dan akhirnya kepada riya', angkuh, derhaka dan mungkar terhadap Allah. Manusia haiwaniah berpegang kuat dengan nafsu ammarah ini dan dijadikan dorongan tertinggi baginya. Sejak dari

dahulu sehingga sekarang matlamat setiap manusia terdorong oleh nafsu untuk memenuhi keperluannya secara semaksimum yang mungkin. Perlakuan yang seperti ini membawa keburukan bukan sahaja kepada orang lain tetapi akhirnya kepada diri sendiri.

- b. **Nafsu lawwamah.** Nafsu lawwamah merupakan nafsu yang belum menetap, namun sudah dorongan untuk menolak nafsu syahwat (al-Ghazali, t.t.: 123). Pelakunya masih tidak stabil sehingga melakukan kebaikan dan kejahatan secara silih berganti. Pada masa tertentu yang haram ditinggalkan tetapi dalam masa yang lain tidak dapat dipisahkan daripada jiwanya. Mereka menyesali dan menyedari akan kesalahan, maksiat dan dosa yang dilakukan, namun tidak dapat mempertahankan kebaikan (M. Zain Abdullah, 1995: 42). Allah mencela mereka yang bersikap seperti ini (al-Qiyamah: 2). Manusia dan nafsu pada peringkat ini masih bersifat kebendaan, masih sukar mengambil secara istiqamah batas-batas Islam dalam perilakunya.

Kesimpulannya, nafsu ammarah dan lawwamah dipunyai oleh manusia haiwaniah dan maddiyah yang tidak ada padanya istilah zuhud harta kerana sikapnya terhadap harta sama iaitu tidak ada sebarang halangan dan batasan dalam mengusaha dan menggunanya.

B. Nafsu Mulia

Nafsu mulia terdiri daripada empat peringkat nafsu: mulhanah, mutmainnah, radiah dan akhirnya yang tertinggi ialah mardiah.

- a. **Nafsu mulhanah.** Ia merupakan nafsu orang yang telah mula menerima latihan penyucian diri melalui tasawuf (M. Zain Abdullah, 1995: 44). Allah mengilhamkan (*malhunah*) kepada mereka (yang terdiri daripada orang awam) untuk istiqamah mentaati segala perintah Allah. Mereka akan bersikap lebih bertanggung jawab terhadap Tuhannya dan lebih wara' pertama-tamanya kepada harta dunia dan perkara-perkara yang haram dan sedikit demi sedikit melepaskan diri daripada yang makruh dan seterusnya yang syubhah.
- b. **Nafsu mutmainnah.** Selepas melepasi malhunah, nafsu mereka akan meningkat kepada *mutmainnah*, iaitu nafsu yang tenang/tenteram berada dalam naungan perintahNya dan berjaya dalam menolak segala bentuk syahwat (al-Ghazali, t.t.: 123) sepertimana dalam firman Allah, al-Fajr ayat 27. Nafsu ini tidak terganggu dengan kesenangan dan kesusahan, pujian dan celaan, kekal terus untuk menjiwai sifat terpuji dan meninggalkan sifat keji. Jiwanya tidak akan tergores ketika mengalami kegagalan dan kesusahan begitu juga tidak gembira dengan kejayaan atau kesenangan.
- c. **Nafsu radiah.** Nafsu *radiah* merupakan nafsu suci yang terletak pada hati yang jernih, reda dengan segala ketentuan Allah (al-Fajr: 28). Segala gangguan, penderitaan dan kesusahan diterima dengan penuh kesyukuran dan 'keseronokan'. Hatinya merasa bahagia di atas segala ketentuan yang pahit (al-Ghazali, t.t.: 167). Kalau Allah telah tentukan begitu, maka tentulah ianya yang terbaik.
- d. **Nafsu mardiah.** Akhirnya nafsu *mardiah*. Bukan sahaja mereka reda terhadap Allah tetapi Allah juga reda terhadapnya (Al-Fajr: 28). Bukan sahaja yang berbentuk zahir seperti perkataan atau perbuatannya diredai Allah tetapi segala yang berbentuk batin seperti perasaan, pemikiran dan lintasan hatinya diredai dan diakui Allah. M. Zin Abdullah (1995: 49) mengungkapkan bahawa jiwa, perasaan, lintasan hati, gerak geri, pendengaran,

penglihatan, gerak hati, tangan dan kesemuanya diredai Allah.

6.0 ZUHUD, JENIS MANUSIA DAN NAFSU


Setelah kita membicarakan secara berasingan jenis-jenis manusia, peringkat-peringkat nafsu dan peringkat-peringkat zuhud dengan sifat-sifatnya masing-masing, bahagian ini akan membicarakan secara integrasi ketiga-tiga unsur tersebut bagi membentuk satu model ekonomi sufi.

Manusia haiwaniah dan maddiyah merupakan manusia yang mengotorkan taraf kemanusiaan kepada peringkat yang rendah dan hina. Manusia haiwaniah lebih bersifat kehaiwanan terdorong dengan nafsu ammarah yang jahat yang mewarisi sikap gelojoh, tamak dan kedekut terhadap harta. Manusia maddiyah walaupun peringkatnya lebih tinggi daripada manusia haiwaniah kerana telah menggunakan akal dan beragama pula, namun pengaruh akal dan agama tidak dapat melawan nafsu lawwamah yang menjadikan pendirian mereka tidak menetap. Kemungkaran, maksiat dan pelanggaran batasan Allah tetap diteruskan. Kedua-dua jenis


manusia dan nafsu ini tidak ada nilai zuhud dalam diri mereka.

Berbeza dengan manusia insaniyah dan rohiyah yang bukan sahaja telah menjadikan agama sebagai pedoman dan pegangan hidup tetapi juga mengoreksi hati. Bagi manusia insaniyah, mereka telah mula menerima latihan beberapa proses penyucian daripada sifat-sifat hati yang kotor dan mengisi dengan sifat-sifat yang mulia. Nafsu ammarah dan lawwamah telah berjaya disingkirkan dan digantikan dengan nafsu mulhanah. Seterusnya nafsu mutaminnah telah mula meresap kedalam jiwanya. Kehidupannya menjadi tenang tidak tergugat dengan kesenangan dan kesukaran, pujian dan celaan.

Manakala manusia rohiyah merupakan manusia yang rohnya telah selamat daripada perasaan, gerakan hati dan pemikiran yang keji. Kehidupannya ditumpukan kearah membangunkan dan menyuburkan kerohaniannya. Nafsu bagi manusia ini di samping mutmainnah, nafsu utama mereka ialah radiah dan mardiah. Rajah 4 menunjukkan model lengkap ekonomi sufi mengikut peringkat-peringkat zuhud yang merangkumkan jenis-jenis manusia, nafsu dan keperluannya.



Rajah 3 Jenis manusia dan peringkat zuhud



Rajah 4 Model Ekonomi Sufi mengikut peringkat zuhud, nafsu dan jenis manusia

7.0 KERANGKA KONSEP EKONOMI IMAM GHAZALI

Kerangka konseptual ekonomi mengikut pemikiran Imam al-Ghazali, antaranya ialah kesepaduan antara ilmu, tauhid (iman), syariat dan tasawuf. Menjadikan tauhid sebagai inspirasi, syariat sebagai instrumen dan tasawuf sebagai roh ekonomi. Sebarang pengkajian termasuk ekonomi akhirnya akan menemui betapa Maha Agung kebesaran Allah mengatur kehidupan yang sempurna bagi manusia.

a. Tauhid Sebagai Inspirasi Dasar Ekonomi

Tauhid bermaksud Esa, iaitu sifat dan zat ketunggalan yang hanya dimiliki oleh Allah. Tiada sesuatu yang esa kecuali Allah. Tiada diserupai dengan mana-mana makhluk ciptaanNya. Konsep tauhid merangkumkan hubungan antara manusia dan Penciptanya (Allah), dan hubungan antara manusia sesama makhluk berasaskan kepada sinaran hubungannya dengan Allah. Perlakuan makhluk manusia berbuat dan tidak berbuat sesuatu hanya kerana Allah bukan kerana makhluk yang setaraf dengannya. Sifat Allah sebagai pencipta, penguasa dan pemilik berhak membuat peraturan yang bertujuan mewujudkan dan memelihara kehidupan makhluk kepada keselesaan dan kesempurnaan. Di pihak yang lain, Allah ciptakan manusia sebagai khalifah Allah di bumi yang bertanggung jawab mengurus bumi dan khazanah seisinya secara yang hak, memberi manfaat diri dan orang lain mengikut ketentuan dan peraturanNya.

b. Syariah Sebagai Instrumen Ekonomi

Syariah didefinisikan sebagai ‘jalan lurus’ atau lebih mengkhusus sebagai ‘hukum-hukum yang ditentukan oleh Allah kepada hambaNya dan disampaikan melalui lidah RasulNya Muhammad s.a.w. (Abdul Halim el-Muhammady, 1993: 1). Konsep syariah yang seperti ini

mecakupkan hukum *i'tiqad*, perbuatan dan akhlak yang juga dikenali sebagai aqidah, fiqh dan tasawuf. Tetapi dengan perkembangan dalam penjurusan ilmu yang berlaku kemudiannya dalam bentuk pelbagai disiplin, maka istilah syariah lebih terfokus kepada hukum amali iaitu fiqh (Abdul Halim El-Muhammady, 1993: 1). Penggunaan istilah syariah disini merujuk kepada maksud penjurusan tersebut, iaitu fiqh.

Imam al-Ghazali menempatkan ilmu syariah sebagai disiplin ilmu kedua terpenting selepas ilmu tauhid. Terdapat kaitan rapat antara *i'tiqad/tauhid* dengan syariah, kerana syariah merupakan penjelmaan dari manifestasi keimanan. Keyakinan dan pengakuan merupakan perkara batin yang tiada diketahui jika tidak dizahirkan. Maka penzahiran keimanan melalui amal soleh merupakan bukti keimanannya. Ini menjelaskan bahawa iman sahaja tidak memadai, kerana ‘tarikh’ kemasukan kesyurga bergantung kepada *volume* pahala dari amal soleh¹³ yang dibawa bersamanya. Kalau pahalanya sedikit sedangkan dosanya banyak maka akan direndam terlebih dahulu beberapa lama di neraka sebelum diangkat masuk ke syurga. Amal sendiri merupakan sebahagian daripada iman, kerana iman dari segi istilahnya mengandungi tiga unsur iaitu “mengucap dengan lidah, mengakui kebenarannya dengan hati dan mengamalkan dengan anggota badan”. Tanpa amal seolah-olah imannya susut 1/3 bahagian. Betullah apa yang dikatakan oleh Imam al-Ghazali dalam *al-Risalah al-Laduniyah* bahawa disiplin tauhid sebagai disiplin teori manakala disiplin syariah dan tasawuf sebagai disiplin amali (al-Ghazali, t.t.: 245). Ini menggambarkan bahawa setelah seseorang itu beriman mengakui keesaan Allah maka ia perlu mengamalkan apa yang diimani sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah. Dalam

¹³ Amal soleh antara faktor penentunya.

konteks ekonomi, pengakuan keatas keimanan dan keyakinan terhadap kelebihan dan kesempurnaan sistem ekonomi Islam perlu diterap ke dalam praktis, manakala mempraktikkan apa yang diimani perlukan panduan syariah, supaya pelaksanaannya benar-benar menepati kehendak Allah dan seterusnya diterima Allah. Oleh itu syariah diperlukan sebagai jalan atau intrumen untuk menterjemahkan apa yang kita imani.

c. Tasawuf Sebagai Roh Ekonomi

Walaupun amal merupakan perkara penting, namun jangan pula terlalu bergantung kepada amal untuk mendapatkan balasan kebaikan daripada Allah kerana balasan tersebut hanya menjadi hak dan Rahmat Allah untuk memberikannya. Demikian itu Imam al-Ghazali dalam kitabnya *Aiyuhal Walad* ada menyatakan “alamat (tanda) orang yang berhakikat (tasawuf) ialah melepaskan pergantungan kepada amal, bukan meninggalkan amal” (al-Ghazali, t.t.: 277). Amal soleh sahaja masih tidak dapat menjamin kedudukan seseorang disisi Allah, tetapi jangan lupa pula bahawa amal juga merupakan sebagai salah satu kaedah ke arahnya.

Kualiti amal soleh seseorang hanya berserta dengan kesungguhan, mujahadah dan keikhlasan pengamalannya, bukan banyaknya amal yang kosong. Oleh itu mujahadah dapat menambah nilai setiap amalannya. Imam al-Ghazali dalam kitab *Aiyuhal Walad* ada mengingatkan supaya jangan terpedaya dengan kata-kata manis yang memukau termasuk kata-kata daripada kaum sufi dengan omong-omong sahaja tanpa mujahadah dan jihad melatih diri melawan hawa nafsu (al-Ghazali, t.t.: 278). Seterusnya Imam al-Ghazali ada menyebutkan mujahadah-mujahadah lain seperti menginfakkan harta, tidak tamak, melepaskan dari kecintaan dunia, pangkat, tidak riya’, rida dan tawakkal (al-Ghazali, t.t.: 280-282).

Sebelum disiplin tasawuf dikenali, istilah ihsan dan akhlak telah terlebih dahulu wujud yang mengandungi maksud yang sama. Istilah ihsan telah ditanyakan oleh Jibril ketika berhadapan dengan Rasulullah bersama para sahabat dalam hadith sebagai katanya yang bermaksud ;

‘.....Maka beritahukanlah kepadaku tentang ihsan.
Jawab nabi: Hendaklah engkau menyembah (mengabdikan) kepada Allah seakan-akan engkau melihatNya. Maka jika engkau tidak dapat melihatNya, maka sesungguhnya Allah itu melihatmu...’ (Muslim).

Ihsan merupakan satu ungkapan mata hati, iaitu hati yang bersih memungkinkan untuk melihat keberadaan Allah. Tidak mungkin seseorang yang melihat Allah berperilaku songang yang berlawanan dengan kehendak Allah. Melihat Allah merupakan satu ni’mat teragung. Kalau ni’mat melihat Allah dapat dikecapi oleh penghuni syurga, maka begitulah juga ni’mat ini dirasakan oleh manusia hidup yang hatinya bersih daripada akhlak keji.

d. Zuhud Penghubung Tasawuf dan Syari’ah

Malah hubungan antara keduanya bukan setakat hubungan antara bahtera dan lautan, tetapi antara jari-jari tangan. Zuhud mempunyai ciri-ciri sebagai jari kerana di sana terdapat zuhud yang rendah, iaitu meninggalkan yang haram yang mewakili zuhud syariat pada satu jari dan zuhud peringkat tinggi, iaitu meninggalkan yang syubhah dan meninggalkan yang sunat yang mewakili tasawuf pada jari-jari yang lain.

Imam al-Ghazali dalam *Ihya* telah merangkumkan zuhud kepada tiga hukum: fardu, sunat dan selamat (al-Ghazali, 2004(4): 286). Zuhud fardu ialah meninggalkan yang haram. Zuhud sunat meninggalkan yang halal manakala yang selamat ialah meninggalkan yang

syubhah. Bagi al-Ghazali, meninggalkan yang haram merupakan satu kefarduan dan tidak ada kelonggaran mengenainya bagi setiap muslim. Oleh itu walaupun dilebelkan olehnya sebagai zuhud fardu, namun di tempat yang lain, beliau tidak menganggapnya sebagai zuhud dari sudut kesufian. Bagi Imam al-Ghazali untuk mencapai zuhud terendah, paling minimum bukan sahaja meninggalkan yang haram tetapi mestilah turut sama meninggalkan yang syubhah (al-Ghazali, 2004(4): 287). Imam al-Ghazali melebelkan zuhud peringkat terendah ini, iaitu zuhud daripada yang syubhah sebagai “zuhud tidak mutlak” (al-Ghazali, 2004(4): 272). Manakala meninggalkan yang halal merupakan zuhud peringkat yang lebih tinggi. Bagi golongan ini yang halal pun tidak diambil kesempatan untuk mengambilnya. Meninggalkan yang haram daripada sudut disiplin ilmu terangkum dalam bidang syariah, manakala meninggalkan yang syubhah dan halal termasuk dalam bidang tasawuf.

Di sini dapat dirumuskan bahawa ilmu mengikut persepsi Imam al-Ghazali perlu bermula dan berteraskan kepada iman. Ilmu tentang imam dianggap oleh al-Ghazali sebagai ilmu disiplin teoretis, manakala ilmu syariah (iaitu ibadah, muamalah dan mu’aqadah) dan ilmu akhlak merupakan ilmu praktis (al-Ghazali t.t.: 245). Hanya yang membezakan antara kedua-duanya (ilmu syariat dan akhlak) ialah satu bersifat zahir dan yang satu lagi batin. Begitu juga dalam konteks ekonomi, beliau tidak memisahkan antara ekonomi syariat dan tasawuf. Menjadikan syariat sebagai prasyarat untuk membentuk ekonomi sufi yang berkebakikan dunia dan akhirat. Pembangunan ekonomi perlu bermula daripada ilmu, iman dan penzahiran syariat sebelum berpindah kepada amal batin iaitu tasawuf: tarekat, hakikat dan makrifat. Kedua-duanyanya (syariat dan tasawuf) merupakan teras dan dilakukan pula secara berperingkat-peringkat bersesuaian dengan kesediaan dari segi kemampuan, latihan dan penerimaan umat Islam¹⁴.

6.0 KESIMPULAN

Manusia dalam kerangka mendekati diri kepada Allah akan mengambil sikap wara’ terhadap harta sebelum berpindah kepada melepaskan diri daripada kecintaan terhadap harta dan dunianya kepada *kecintaannya* terhadap Allah, daripada kongkongan nafsu yang tamak kepada mengurangkannya untuk hidup bersederhana, berpuas hati dengan ‘alah kadar’, *qanaah* dan akhirnya *tawakkal* dengan hanya mempunyai Allah sebagai pelindung, penjaga dan penyelamat. Orang yang benar-benar mengenal Allah, sama sekali tidak perlu kepada kebendaan (Syaiikh Ibnu Atho’illah, 2001: 281). Mereka tidak khawatir akan rezekinya kerana ikhtiar mendapatkan rezeki tidak terbatas kepada usaha-kerja tenaga fizikalnya tetapi boleh melalui kombinasi kerja dan amal kerohanian atau amal kerohanian sahaja.

Rujukan

- Aboebakar Atjeh, 1977. *Pengantar Sejarah Sufi dan Tasawuf*. Kota Bharu. Pustaka Aman Press,
al Ghazali. 1980(1). *Ihya Ulumiddin*, juz al- awal. Kahirah. Darul Hadith
al Ghazali. 1980(3). *Ihya Ulumiddin*, juz al-thani. Kahirah. Darul Hadith
al Ghazali. 1980(4). *Ihya Ulumiddin*, juz al-thalis. Kahirah. Darul Hadith

¹⁴ Di zaman jahiliah penerapan hukum amal secara beransur-ansur ini adalah secara mutlak, namun di zaman kini penerapannya syariah mengambil pendekatan sekali gus tanpa beransur-ansur, namun perpindahan tahapan daripada syariah kepada tasawuf boleh dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

- al Ghazali. t.t. Raudah at-tolibin wa umdah as-salikin dalam *Majmu'ah rasail al-imam al-Ghazali*. Hlm 100-173. Cairo. Al-Maktabah Tawfikiah.
- H. A. Rivay Siregar. 1999. *Tasawuf dari sufisme klasik ke neo klasik*. Jakarta. PT RajaGrafindo Persada.
- Kamus Dewan*. 2005. K. Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Fakhruddin Abdul Mukti. 2000. The Mysticism of Abu Yazid al Bistami dalam *Jurnal Afkar*. Bil 1, Jun. Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, APIUM, Universiti Malaya Hlm.11-32.
- Mohd Nasir Omar dan Zakaria Stapa. 1999. *Ahlak dan Tasawwuf*. Bangi. Penerbit UKM.
- Mohd Sulaiman Hj Yasin. 1984. *Mengenal Ilmu Tasawuf*. Bangi, al Rahmaniah.
- Mohd Sulaiman Hj. Yasin. 1986. *Mengenal Ilmu Tasawuf*. Kuala Lumpur. Bahagian Hal Ehwal Islam,
- Mustafa Zahri. 1979. *Kunci Memahami Ilmu Tasawuf*. Surabaya. Pt Bina ilmu.
- M. Zain Abdullah. 1995. *Tasawuf dan Zikir*. Johor Bharu. Perniagaan Jahabersa.
- Said Hawa. 1995. *Jalan Rohani: Bimbingan Tasawuf Untuk Para Aktivis Islam*. (terjemahan Khairul Rafie dan Ibnu Thaha Ali), Penerbit Mizan, Bandung.
- Simuh. 1996. *Tasawuf dan perkembangannya dalam Islam*. Jakarta. PT RajaGrafindo Persada.
- Syaikh Ibnu Atho'illah. 2001. *Al-Hikam* (terjemahan oleh H. Salim Bahreisy). Kuala Lumpur. Victory Agencie.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2009. *Soal Jawab A-Z Tentang Tasawuf*. Kuala Lumpur. Telaga Biru Sdn. Bhd.